



(14)

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : (13) KKM-171/BKP/07/35/0519 JLD 2

Tarikh : 2 Jun 2009

Ketua Pengarah  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)  
Aras 5, Blok D7, Kompleks D  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62519 Putrajaya

YBhg. Dato',

**PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL. 5/2009  
GARISPANDUAN UJIAN SARINGAN HIV PRA PERKAHWINAN**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sebagaimana YBhg. Dato' sedia maklum, Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Bil.1/2008 telah memutuskan agar Ujian Saringan HIV dilakukan kepada bakal pengantin Islam secara wajib mulai 2009, manakala bagi agama-agama lain ianya digalakkan.
3. Bagi menyeragamkan pelaksanaan ujian saringan di klinik kesihatan kerajaan, bersama-sama ini disertakan sesalinan Pekeliling berkenaan untuk rujukan pihak Y.Bhg Dato'.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menurut perintah,

**(DATO' DR. HASAN BIN ABDUL RAHMAN)**  
Pengarah Kawalan Penyakit  
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k

Semua Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62590 Putrajaya.

Tel : 603-88832545  
Faks : 603-88895542  
Email : ismailmerican@moh.gov.my

RUJ. TUAN :  
RUJ. KAMI : Bil. (12 ) dlm. KKM-171/BKP/07/35/0519 JLD. 2  
TARIKH : 12 Mei 2009

Semua Pengarah Kesihatan Negeri

Y.Bhg Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL. 5/2009;  
GARISPANDUAN UJIAN SARINGAN HIV PRA PERKAHWINAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman Y.Bhg Dato'/Datin/Tuan/Puan, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyarankan agar individu mengetahui status HIV diri terutamanya di kalangan yang berisiko tinggi untuk dijangkiti HIV. Mereka juga menyarankan agar kaunseling dan ujian saringan adalah kunci utama kepada pencegahan, rawatan dan penjagaan HIV yang berkesan (rujukan WHO/HIV/2003.08; *The right to know, new approaches to HIV testing and counselling*).
3. Jawatankuasa Kabinet Mengenai AIDS yang telah bersidang pada 18 Disember 2008 telah memutuskan agar ujian saringan HIV bagi bakal pengantin di kalangan orang Islam dilaksanakan secara wajib mulai tahun 2009. Bagi bakal pengantin bukan Islam pula, mereka adalah digalakkan untuk menjalani ujian saringan HIV tersebut.
4. Tujuan utama ujian saringan ini adalah bagi membolehkan mereka yang berisiko mengetahui status HIV dirinya. Di samping itu, mereka yang telah dijangkiti HIV akan diberikan pendidikan kesihatan, kaunseling, rawatan dan tindakan susulan bagi

memastikan kesihatan mereka sentiasa terpelihara. Di antara ujian saringan yang dilakukan adalah Ujian Saringan HIV Pra Perkahwinan.

5. Disebabkan jangkitan HIV ini sering dikaitkan dengan isu-isu sosial, stigma dan diskriminasi, maka pengendalian Ujian Saringan HIV ini hendaklah dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan disamping menjaga kerahsiaan dan hak-hak individu. Oleh itu adalah penting agar perlaksanaan ujian saringan HIV ini difahami dan mendapat kerjasama dari semua pihak.
6. Untuk itu, bersama-sama ini disertakan Pekeliling Garispanduan Perlaksanaan Ujian Saringan HIV Pra Perkahwinan tersebut dan diharap Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan dapat mengedarkan garispanduan ini dan memastikan perlaksanaannya kepada semua pihak yang berkenaan.
7. Tarikh kuatkuasa pekeliling ini adalah pada 01 Mei 2009

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**TAN SRI DATO' SERI DR. HJ. MOHD. ISMAIL MERICAN**  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k:

1. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
2. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
3. Pengarah Kawalan Penyakit

**PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL 5/2009;  
GARISPANDUAN UJIAN SARINGAN HIV PRA PERKAHWINAN**

---

**1.0 Garispanduan Perlaksanaan Ujian Saringan HIV Pra Perkahwinan**

**2.0 Objektif :**

**2.1 Umum:**

Untuk membolehkan bakal-bakal pengantin mengetahui status HIV diri sendiri .

**2.2 Khusus:**

**2.2.1** Untuk mengesan jangkitan HIV di kalangan bakal pengantin agar tindakan pencegahan dan kawalan boleh diambil.

**2.2.2** Untuk mencegah penularan penyakit kepada pasangan yang bakal dikahwini dan seterusnya kepada anak-anak yang bakal dilahirkan.

**2.2.3** Untuk memberikan kaunseling dan nasihat khususnya kepada mereka yang berisiko supaya bakal pengantin dapat mengubah cara kehidupan kepada yang lebih sihat.

**2.2.4** Untuk memberi penjagaan yang komprehensif meliputi aspek pencegahan, rawatan, tindak susulan, sokongan sosial dan rujukan jika perlu.

**3.0 Penggunaan 'HIV Rapid Test' yang dibekalkan melalui Kontrak Pusat Kementerian Kesihatan Malaysia:**

**3.1** Bekalan kit ujian saringan HIV diselaraskan oleh Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia.

**3.2** Kementerian Kesihatan Malaysia bertanggung jawab membekalkan kit ujian ini melalui Jabatan Kesihatan Negeri.

**4.0 Panduan Prosedur Perlaksanaan Ujian Saringan HIV di Klinik Kesihatan :**

- 4.1 Kedatangan bakal pengantin ke Klinik Kesihatan akan dicatit di dalam **buku daftar ujian saringan HIV bakal pengantin**.
  - 4.2 Bakal pengantin perlu melengkapkan borang permohonan Ujian Saringan HIV Pra-perkahwinan KKM/HIV/SPP/1/09 (rujuk lampiran 2) yang boleh didapati di Klinik Kesihatan berkenaan.
  - 4.3 Kerahsian maklumat ujian saringan HIV ini mestilah dikekalkan sepanjang masa oleh anggota yang berkenaan.
  - 4.4 **Tiada bayaran** dikenakan kepada bakal pengantin yang memohon untuk menjalani ujian saringan HIV.
  - 4.5 Bakal pengantin perlu diberi pendidikan kesihatan/ kaunseling secara individu atau berkumpulan.
  - 4.6 Ujian saringan HIV menggunakan kaedah ujian pantas (*Rapid test*) akan dilakukan oleh anggota Klinik Kesihatan yang telah dilatih.
  - 4.7 Keputusan ujian saringan HIV dengan kaedah ujian pantas (*Rapid test*) boleh diketahui dalam masa 5 hingga 20 minit (bergantung kepada jenis kit yang digunakan). Keputusan ujian saringan HIV akan dimaklumkan kepada bakal pengantin serta ianya perlu dicatatkan di dalam **buku daftar ujian saringan HIV** di Klinik Kesihatan.
- 4.8 **Keputusan ujian saringan HIV (*Rapid test*) REAKTIF:**
- 4.8.1 Bakal pengantin akan dimaklumkan tentang keputusan tersebut dan keperluan untuk menjalani ujian pengesahan.
  - 4.8.2 Bakal pengantin diberi kaunseling pra ujian pengesahan oleh Pembantu Perubatan/ Jururawat Terlatih/ Pegawai Perubatan & Kesihatan/ Pakar Perubatan Keluarga yang telah dilatih di Klinik Kesihatan tersebut.
  - 4.8.3 Tujuan kaunseling pra ujian pengesahan adalah menyediakan bakal pengantin bagi menjalani ujian pengesahan (*confirmatory test*) dan implikasi keputusan ujian tersebut.

- 4.8.4 Sebanyak 5 ml darah akan diambil untuk tujuan ujian pengesahan HIV. Tindakan ini perlu dilakukan pada hari yang sama.
- 4.8.5 Sampel darah bersama borang permohonan ujian pengesahan HIV akan dihantar ke makmal rujukan (Hospital) menggunakan **borang Per-Path 301**.
- 4.8.6 Keputusan ujian pengesahan HIV pada kebiasaannya akan mengambil masa selama 2 minggu.
- 4.8.7 Bakal pengantin perlu diberi temujanji untuk datang semula ke Klinik Kesihatan, dalam tempoh 2 - 3 minggu berikutnya untuk mengambil keputusan dan menjalani kaunseling pasca ujian pengesahan.
- 4.8.8 Keputusan Ujian Saringan HIV akan dicatatkan dalam buku daftar.
- 4.8.9 Pegawai Perubatan akan mengesahkan di dalam Borang Ujian Saringan HIV Pra Perkahwinan tentang bakal pengantin tersebut telah menjalani ujian saringan HIV. **Hanya salinan pendua** akan diberi kepada bakal pengantin. Ini bertujuan bagi mengelakkan sebarang penipuan.
- 4.8.10 Adalah menjadi tanggungjawab bakal pengantin untuk menyerahkan pengesahan perlaksanaan ujian saringan HIV kepada pihak berkenaan untuk proses perkahwinan.

#### 4.9 Keputusan ujian saringan HIV TIDAK REAKTIF:

- 4.9.1 Bakal pengantin akan dimaklumkan tentang keputusan tersebut.
- 4.9.2 Bagi bakal pengantin yang **mempunyai risiko** akan diberi kaunseling dan perlu diberi temujanji untuk mengulangi semula ujian saringan HIV di Klinik Kesihatan dalam tempoh 3 - 6 bulan. Mereka dinasihatkan agar hadir bagi temujanji berkenaan.
- 4.9.3 Keputusan Ujian Saringan HIV akan dicatatkan dalam buku daftar.

- 4.9.4 Pegawai Perubatan akan mengesahkan di dalam Borang Ujian Saringan HIV Pra Perkahwinan tentang bakal pengantin tersebut telah menjalani ujian saringan HIV. **Hanya salinan pendua** akan diberi kepada bakal pengantin. Ini bertujuan bagi mengelakkan sebarang penipuan.
- 4.9.5 Adalah menjadi tanggungjawab bakal pengantin untuk menyerahkan pengesahan perlaksanaan ujian saringan HIV kepada pihak berkenaan untuk proses perkahwinan.

## 5.0 Proses selepas menerima keputusan ujian pengesahan HIV:

### 5.1 Bagi Keputusan ujian pengesahan HIV POSITIF:

- 5.1.1 Bakal pengantin akan dimaklumkan tentang keputusan tersebut.
- 5.1.2 Kaunseling pasca ujian pengesahan akan dilakukan oleh Pakar Perubatan Keluarga/ Pegawai Perubatan & Kesihatan/ anggota paramedik yang terlatih di Klinik Kesihatan.
- 5.1.3 Keputusan ujian pengesahan bakal pengantin hendaklah direkodkan ke dalam buku daftar ujian saringan HIV bakal pengantin di Klinik Kesihatan.
- 5.1.4 Pegawai Perubatan akan mengesahkan di dalam Borang Ujian Saringan HIV Pra Perkahwinan tentang bakal pengantin tersebut telah menjalani ujian saringan HIV. **Hanya salinan pendua** akan diberi kepada bakal pengantin. Ini bertujuan bagi mengelakkan sebarang penipuan.
- 5.1.5 Adalah menjadi tanggungjawab bakal pengantin untuk menyerahkan pengesahan perlaksanaan ujian saringan HIV kepada pihak berkenaan untuk proses perkahwinan.
- 5.1.6 Bakal pengantin akan dirujuk kepada Pakar Perubatan Keluarga di Klinik Kesihatan yang memberikan **program pengendalian pesakit HIV (PPHIV)** atau kepada Pakar Perubatan Penyakit Berjangkit di Hospital. Pegawai/ anggota kesihatan

di Klinik Kesihatan perlulah mendapatkan tarikh temujanji dari klinik PPHIV atau Hospital yang berkenaan.

- 5.1.7 Kes-kes HIV positif hendaklah dilaporkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah terdekat dalam tempoh tujuh (7) hari menggunakan **borang notis Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit 1988** dan **e-notis** atau mengikut mana-mana garispanduan semasa.
- 5.1.8 Bagi kes-kes yang disahkan telah dijangkiti HIV, tindaksusulan hendaklah dilakukan meliputi pemberian kaunseling /penerangan yang berterusan, penjagaan kes, rawatan serta pemantauan status pasangannya (jika meneruskan perkahwinan) atau zuriatnya (jika meneruskan perkahwinan dan mempunyai anak). Kes juga hendaklah dimasukkan ke dalam 'National AIDS Registry'.

## 5.2 Bagi Keputusan ujian pengesahan HIV NEGATIF:

- 5.2.1 Kaunseling pasca ujian pengesahan akan dilakukan oleh Pakar Perubatan Keluarga / Pegawai Perubatan & Kesihatan/ anggota paramedik terlatih di Klinik Kesihatan.
- 5.2.2 Bagi bakal pengantin yang **mempunyai risiko** beliau diberi kaunseling dan perlu diberi temujanji untuk mengulangi semula ujian saringan HIV di Klinik Kesihatan dalam tempoh 3 - 6 bulan.
- 5.2.3 Keputusan ujian pengesahan bakal pengantin hendaklah direkodkan ke dalam buku daftar ujian saringan HIV bakal pengantin di Klinik Kesihatan.
- 5.2.4 Keputusan ujian pengesahan bakal pengantin hendaklah direkodkan ke dalam buku daftar ujian saringan HIV bakal pengantin di Klinik Kesihatan.
- 5.2.5 Pegawai Perubatan akan mengesahkan di dalam Borang Ujian Saringan HIV Pra Perkahwinan tentang bakal pengantin tersebut telah menjalani

ujian saringan HIV. Hanya salinan pendua akan diberi kepada bakal pengantin. Ini bertujuan bagi mengelakkan sebarang penipuan.

- 5.2.6 Adalah menjadi tanggungjawab bakal pengantin untuk menyerahkan pengesahan perlaksanaan ujian saringan HIV kepada pihak berkenaan untuk proses perkahwinan.

## 6.0 Peranan Agensi-agensi:

### 6.1 Peranan Kementerian Kesihatan Malaysia (Cawangan AIDS, Bahagian Kawalan Penyakit):

- 6.1.1 Merancang, menyelaras, memantau dan menilai pelaksanaan program ujian saringan HIV pra-perkahwinan di negeri-negeri.
- 6.1.2 Menyelaras pengumpulan data di peringkat kebangsaan dan menjalankan analisa data ujian saringan HIV pra-perkahwinan dari negeri-negeri.

### 6.2 Peranan Jabatan Kesihatan Negeri:

- 6.2.1 Merancang, menyelaras, memantau dan menilai pelaksanaan program ujian saringan HIV pra-perkahwinan di daerah-daerah.
- 6.2.2 Merancang dan menganjurkan latihan di peringkat negeri berkaitan pengendalian ujian saringan HIV pra-perkahwinan terutamanya dari aspek kaunseling di kalangan anggota bukan kesihatan seperti Jabatan Agama Islam dan lain-lain yang berkaitan.
- 6.2.3 Merancang dan menganjurkan latihan di peringkat negeri berkaitan pengendalian ujian saringan HIV pra-perkahwinan terutamanya dari aspek kaunseling di kalangan anggota bukan kesihatan seperti Jabatan Agama Islam dan lain-lain yang berkaitan.
- 6.2.4 Menyelaras pengumpulan data di peringkat negeri dan menjalankan analisa data ujian saringan HIV pra-perkahwinan dari daerah-daerah.
- 6.2.5 Memberi maklumbalas pelaksanaan dan maklumat program ujian saringan HIV pra-perkahwinan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia.

6.2.6 Memastikan setiap Pejabat Kesihatan Daerah memesan kit ujian saringan bagi daerah masing-masing dan memastikan bekalan kit ujian tidak terputus.

6.2.7 Mencitak boring permohonan ujian saringan HIV Pra Perkahwinan.

6.3 Peranan Pejabat Kesihatan Daerah:

6.3.1 Merancang, menyelaras, memantau dan menilai pelaksanaan program ujian saringan HIV pra perkahwinan di Klinik-klinik Kesihatan.

6.3.2 Mengenalpasti masalah dan memberi cadangan penyelesaian dalam implementasi aktiviti-aktiviti program ujian saringan HIV pra perkahwinan di Klinik-klinik Kesihatan.

6.3.3 Merancang dan menganjurkan latihan bersama agensi-agensi yang berkaitan di peringkat daerah di dalam pengendalian program ujian saringan HIV pra perkahwinan di kalangan anggota kesihatan & anggota agensi lain.

6.3.4 Menyelaras pengumpulan data di peringkat daerah dan menjalankan analisa data ujian saringan HIV pra perkahwinan dari Klinik-klinik Kesihatan.

6.3.5 Memberi maklumbalas pelaksanaan dan maklumat program ujian saringan HIV pra perkahwinan peringkat daerah kepada Jabatan Kesihatan Negeri.

6.3.6 Menerima notifikasi kes HIV positif dari Klinik-klinik Kesihatan yang menjalankan ujian saringan HIV dan memasukkan kes ke dalam daftar "National AIDS Registry".

6.3.7 Memastikan Penolong Pegawai Kesihatan Persekutuan, Pejabat Kesihatan Daerah menjalankan penyiasatan dan pengesahan kontak.

6.3.8 Membekalkan kits ujian saringan kepada Klinik Kesihatan.

6.3.9 Membekalkan Borang Ujian Saringan HIV Pra Perkahwinan ke Klinik-klinik Kesihatan.

6.4 Peranan Klinik Kesihatan:

6.4.1 Memastikan kit ujian saringan HIV sekurang-kurangnya pada stok minima.

6.4.2 Memastikan Borang Ujian Saringan HIV Pra Perkahwinan sentiasa mencukupi di Klinik Kesihatan.

6.4.3 Mencatatkan daftar bakal pengantin dalam buku daftar ujian saringan HIV pra-perkahwinan.

6.4.4 Melakukan kaunseling sebelum dan selepas ujian.


6.4.5 Melakukan ujian saringan HIV dan ujian pengesahan HIV.

6.4.6 Merekodkan keputusan ujian saringan HIV dan ujian pengesahan HIV.

6.4.7 Melakukan notifikasi terhadap kes-kes yang disahkan HIV.

6.4.8 Membuat tindak-susulan bagi setiap kes HIV.

## 7.0 CARTA ALIR DAN PROSES KERJA UJIAN SARINGAN HIV PRA-PERKAHWINAN DI KLINIK KESIHATAN



## 8.0 PROSES KERJA DAN TANGGUNGJAWAB DI KLINIK KESIHATAN

BIL	PROSES KERJA	TANGGUNGJAWAB
8.1	Penerangan mengenai Ujian Saringan HIV kepada bakal pengantin akan diberi semasa Kursus Pra- Perkahwinan	Penceramah kesihatan terlatih yang memberi ceramah di Pusat Kursus Pra-Perkahwinan.
8.2	Menjalankan ujian saringan HIV menggunakan kaedah <i>Rapid Test</i> dan ujian pengesahan HIV kepada bakal pengantin.	Pembantu Perubatan/ Jururawat Terlatih/ Juruteknologi Makmal Perubatan
8.3	Kaunseling pra ujian pengesahan	Pembantu Perubatan/ Jururawat Terlatih/ Pegawai Perubatan & Kesihatan/ Pakar Perubatan Keluarga
8.4	Kaunseling pasca ujian pengesahan	Pembantu Perubatan/ Jururawat Terlatih/ Pegawai Perubatan & Kesihatan/ Pakar Perubatan Keluarga
8.5	Kaunseling kepada kes yang disahkan HIV	Pegawai Perubatan & Kesihatan/ Pakar Perubatan Keluarga
8.6	Notifikasi ke Pejabat Kesihatan Daerah yang terdekat	Pegawai Perubatan & Kesihatan/ Pakar Perubatan Keluarga
8.7	Merujuk kepada Pakar Perubatan Keluarga	Pembantu Perubatan/ Jururawat Terlatih/ Pegawai Perubatan & Kesihatan
8.8	Merujuk kepada Pakar Perubatan Penyakit Berjangkit	Pegawai Perubatan & Kesihatan / Pakar Perubatan Keluarga
8.9	Memastikan proses kerja berjalan lancar dan kerahsiaan sentiasa dijaga.	Semua kategori anggota Jabatan Kesihatan (pegawai & kumpulan sokongan

## **9.0 Prosedur Pengurusan Maklumat Ujian Saringan HIV Pra Perkahwinan**

### **9.1 Buku Daftar**

- 9.1.1 Setiap bakal pengantin yang memohon untuk menjalani ujian saringan HIV di Klinik Kesihatan atas perlu direkod di dalam buku daftar Program Ujian Saringan HIV Pra Perkahwinan.
- 9.1.2 Setiap Klinik Kesihatan yang menyediakan program ini perlu menyediakan sebuah buku daftar. Kandungan maklumat buku daftar adalah seperti di lampiran 1.
- 9.1.3 Segala maklumat yang dikehendaki hendaklah diisi dengan lengkap.
- 9.1.4 Kerahsian maklumat keputusan ujian HIV mestilah dipelihara.
- 9.1.5 Buku daftar ini hendaklah disimpan di bilik pemeriksaan **dijalankan**.

### **9.2 Borang reten bulanan**

- 9.2.1 Setiap Klinik Kesihatan yang menyediakan program ini akan memberikan reten bulanan pencapaian program ujian saringan HIV pra perkahwinan dengan menggunakan format reten semasa yang digunakan.
- 9.2.2 Borang ini perlu diisi oleh anggota kesihatan yang telah dipertanggungjawabkan dan dihantar ke Pejabat Kesihatan Daerah sebelum atau pada 7 haribulan bulan yang berikutnya.
- 9.2.3 Borang reten bulanan daripada semua Klinik-klinik Kesihatan terlibat akan dikumpul dan dibuat verifikasi serta validasi oleh Penolong Pegawai Kesihatan Persekutuan (PPKP) AIDS/STI daerah dan dihantar ke Jabatan Kesihatan Negeri sebelum atau pada 10 haribulan bulan berikutnya.

- 9.2.4 Borang reten bulanan daripada semua Pejabat Kesihatan Daerah akan dikumpul dan dibuat verifikasi serta validasi oleh PPKP AIDS/STI / Ketua Jururawat Kesihatan AIDS/STI di Jabatan Kesihatan Negeri . Laporan bulanan pencapaian program akan disemak oleh Ketua Penolong Pengarah/Penolong Pengarah AIDS/STI sebelum dibentang kepada Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri pada setiap bulan.
- 9.2.5 Laporan bulanan pencapaian program akan dihantar kepada Timbalan Pengarah Cawangan AIDS/STI, KKM sebelum atau pada 15 haribulan bulan berikutnya.

## Maklumat Buku daftar Ujian Saringan HIV Pra Perkahwinan

1.	Klinik Kesihatan :
2.	Bil :
3.	Tarikh :
4.	Nama
5.	No Kad Pengenalan Baru / Passport :
6.	Alamat :
7.	No Telefon :
8.	Pekerjaan :
9.	Umur :
10.	Jantina : -L (Lelaki) -P (Perempuan)
11.	Bangsa :
12.	Status perkahwinan (pertama, kedua atau lebih)
13.	Rujukan daripada (sekiranya ada) : Nyatakan
14.	Faktor Risiko : -IDU -Homoseksual/Lesbian -Seks bebas -Melanggani pelacur -Pasangan HIV -Tercucuk jarum/peralatan tajam yang tercemar -Penerima transfusi darah yang tercemar -Penerima organ/tisu yang tercemar -Tiada risiko
15.	Keputusan Ujian Saringan HIV Rapid Test : -Reaktif -Tidak Reaktif
16.	Tarikh ujian pengesahan
17.	Keputusan Ujian Pengesahan HIV : -Positif, No Makmal -Negatif, No Makmal

